

29 SEP 1996

Mahathir-Umno

SEGALA TINDAKAN CALON DIPERHATIKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Dengan hanya 11 hari lagi sebelum perhimpunan agung Umno pada 10 Okt ini, presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan calon-calon bahawa segala tindakan mereka sedang diperhatikan oleh Jawatankuasa Khas Umno.

Jawatankuasa itu sedang memerhatikan gerak geri mereka untuk memastikan sama ada larangan berkempen dipatuhi atau tidak dan calon yang melanggar larangan itu akan menerima akibatnya, kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya dari lawatan 17 hari ke Zimbabwe, Portugal dan Amerika Syarikat, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada terdapat kes calon menggunakan majlis-majlis rasmi kerajaan untuk berkempen.

Dr Mahathir berkata adalah sukar untuk menentukan sama ada sesuatu majlis yang dihadiri oleh seseorang calon itu rasmi atau tidak rasmi.

"Kadang-kadang kita payah juga nak tentukan tetapi terpulang kepada anggota-anggota, akhirnya, untuk menilai sama ada majlis rasmi itu sengaja diadakan ataupun sesuatu yang tidak dapat dielak," kata beliau.

Dr Mahathir yakin anggota-anggota dan para perwakilan Umno yang akan menghadiri Perhimpunan Agung parti "sedikit sebanyak memahami motif-motif mereka."

Ketika ditanya sama ada calon-calon berkenaan boleh menghadiri majlis rasmi yang sengaja diadakan, Dr Mahathir berkata: "Ia tidak boleh. Kalau saya cakap boleh, mereka mungkin adakan majlis rasmi...tapi ada majlis yang tak dapat dielak."

Perdana Menteri berkata beliau pernah dikritik oleh ahli politik veteran Dr Tan Chee Khoo kerana mengumumkan penyertaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Umno pada satu majlis rasmi di pejabat kerajaan.

"Jadi susah, setiap kali nak cakap politik kena keluar bilik. Kadang-kadang ia agak mustahil," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai tindakan pemimpin-pemimpin Umno menghadiri majlis yang turut dihadiri calon-calon lain, seolah-olah pemimpin-pemimpin itu menyokong (endorse) calon-calon berkenaan, Dr Mahathir berkata: "Kita juga sedang perhatikan mereka."

Ketika ditanya apakah maksud beliau bahawa Umno sedang memerhatikan mereka, Dr Mahathir berkata: "Anda akan ketahuinya bila tiba masanya.

"Kita tidak mewujudkan jawatankuasa itu untuk bersuka-suka. Kita mesti buat kerja. Siapa yang langgar larangan berkempen mungkin akan merasa kesannya," kata beliau.

Ketika ditanya apakah masalah yang dihadapi Umno dalam mengambil tindakan terhadap calon yang melanggar etika pemilihan, Dr Mahathir berkata masalahnya ialah tiada bukti kukuh terhadap mereka. -- BERNAMA

ES NAK